



18 Mei 2016

**KENYATAAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

**PENGGHUSUSAN PEMERIKSAAN PUSPAKOM TAMAN BUKIT MALURI DAN BATU CAVES**

*Shah Alam, 18 Mei 2016* – Mulai 23 Mei 2016, Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM Batu Caves akan dikhususkan untuk pemeriksaan Kenderaan Persendirian sahaja, manakala Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM Taman Bukit Maluri akan dikhususkan untuk pemeriksaan Teksi dan Kenderaan Perdagangan Ringan (BDM 5,999kg ke bawah).

Perubahan serta penambahbaikan ini bertujuan untuk melancarkan aliran trafik serta mempercepatkan operasi di pusat-pusat pemeriksaan tersebut. Aliran trafik yang lebih lancar akan dapat memberi keselesaan kepada para pelanggan khususnya pemilik kenderaan persendirian, pengusaha kereta terpakai, teksi, kenderaan perdagangan ringan dan komuniti sekeliling serta mengurangkan masa menunggu di PUSPAKOM.

Di samping itu, Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM Batu Caves akan menambah dua lagi lorong pemeriksaan menjadikannya kepada lima lorong pemeriksaan untuk menampung keperluan pemeriksaan bagi kenderaan persendirian di PUSPAKOM Batu Caves. Hasil daripada pengkhususan ini, kapasiti di Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM Batu Caves akan meningkat sebanyak 67%.

Sehubungan itu, Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM Taman Bukit Maluri akan dibahagikan kepada dua bahagian yang mana setiap bahagian merangkumi empat lorong. Salah satu bahagian akan dikhususkan untuk pemeriksaan teksi manakala satu bahagian lagi akan dihaskan untuk pemeriksaan kenderaan ringan. Ini bertujuan untuk mengurangkan kesesakan trafik yang berlaku semasa menuju ke laluan keluar masuk di cawangan tersebut, secara tidak langsung ianya akan meningkatkan lagi produktiviti dan mengurangkan masa menunggu untuk memaksimumkan kapasiti pemeriksaan.

Untuk makluman, cawangan-cawangan lain yang terletak di sekitar Lembah Klang seperti Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM Petaling Jaya, Pandan Mewah, Bangi, Banting, Cheras, Glenmarie, Padang Jawa, Shah Alam, Sungai Besar, Wangsa Maju dan juga Seremban masih menyediakan perkhidmatan pemeriksaan seperti sedia kala.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail berkata, “Pelaksanaan pengkhususan di cawangan-cawangan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan PUSPAKOM untuk meningkatkan lagi tahap kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Pengkhususan ini akan dapat mengurangkan masa menunggu, menawarkan keadaan yang lebih selesa kepada pelanggan serta meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan PUSPAKOM kepada pelanggan.”

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM di 1-800-88-6927 atau emel [dp.customerservice@puspakom.com.my](mailto:dp.customerservice@puspakom.com.my) atau layari laman sesawang PUSPAKOM di [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my).

###

**JABATAN KOMUNIKASI & KHIDMAT PELANGGAN**

PUSPAKOM Sdn Bhd

03-2052 7465